

Perluas liputan komunikasi

Kementerian Pendidikan mahu sekolah luar bandar diberi keutamaan dalam capaian internet

Oleh Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

Nabawan

Selain usaha berterusan menyediakan kemudahan pendidikan terbaik, Kementerian Pendidikan turut memandang serius isu perhubungan dan liputan komunikasi di sekolah luar bandar di Sabah.

Menteri Kanan Pendidikan Dr Radzi Jidin berkata, liputan internet yang lemah atau tiada langsung dan ketiadaan peranti atau peralatan untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian turut diberikan perhatian.

Beliau berkata, isu itu diberi tumpuan selepas kajian sebelum ini mendapati ramai murid dan pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian disebabkan masalah berkenaan.

Katanya, pandemik Covid-19 yang memaksa kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memperlihatkan kelemahan itu apabila Kementerian Pendidikan memutuskan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian.

"Kita buat kajian sama ada pembelajaran secara dalam talian boleh



DR Radzi (dua dari kanan) ketika hadir pada Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Sekolah dan PIBG Daerah Tambunan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tambunan.

dilaksanakan atau tidak dan kita dapati beberapa masalah, antaranya ada pelajar tidak memiliki sebarang peralatan dan ada juga terpaksa menggunakan telefon pintar ibu bapa.

"Di kawasan luar bandar pula, bukan saja gajet menjadi masalah, malah liputan internet yang lemah atau tiada langsung turut menghalang pelaksanaan kaedah pembelajaran itu.

"Akhirnya, kita terpaksa membuat keputusan menyerahkan kepada kebijaksanaan guru untuk menggunakan apa saja kaedah bagi memastikan

proses pembelajaran dapat dilaksanakan sepanjang tempoh PKP.

"Namun, ia membuka mata kita betapa pentingnya sistem telekomunikasi, lebih-lebih lagi liputan internet ditambah baik di seluruh kawasan. Kita juga melihat keperluan peranti atau gajet yang perlu dimiliki masyarakat," katanya.

Beliau mengulas isu kelemahan liputan internet yang kebanyakannya berlaku di kawasan luar bandar yang menyukarkan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian terutama ketika situasi memerlukan seperti PKP.

Isu itu antara ditekankan Dr Radzi sebelum menamatkan lawatan dua harinya ke pedalaman Sabah yang berakhir di Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Nabawan, di sini, baru-baru ini.

Ketika lawatan singkatnya di sekolah itu untuk bertemu warga sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pada Majlis Kupi-Kupi bersama beliau, Dr Radzi turut mendengar masalah pendidikan di kawasan berkenaan.

Isu liputan internet antara yang dibangkitkan, selain bangunan daif dan masalah perhubungan

menjejaskan warga sekolah serta masyarakat berikutan ada kawasan hanya dapat dihubungi melalui sungai dan berjalan kaki.

Sementara itu, kehadiran Dr Radzi ke daerah ini khususnya ke SK Nabawan turut mendapat reaksi positif warga sekolah yang teruja menerima beliau sebagai tetamu mereka.

Guru Besar SK Pekan Nabawan Quirins Williams berkata, kedatangan Dr Radzi memberi mereka motivasi dan semangat untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kepada masyarakat di kawasan pedalaman.

"Saya baru tiga hari menjadi Guru Besar di sekolah ini dan hari ini kami didatangi tetamu penting, Menteri Kanan Pendidikan. Tidak pernah terlintas dalam fikiran saya selama ini seorang menteri mahu datang ke sekolah di pedalaman ini.

"Jadi kami sangat bersyukur dan ini pastinya meningkatkan lagi semangat dan motivasi kami untuk membantu membangunkan pendidikan penduduk di pedalaman," katanya.

Beliau berkata, masih banyak yang perlu diberi perhatian dalam membangunkan pendidikan di pedalaman, khususnya di luar bandar terutama yang berkaitan dengan jalan perhubungan

dan liputan internet.

Katanya, ketika PKP lalu, beliau masih Guru Besar di SK Lotong, di sini, berdepan cabaran melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PDP) sepanjang penutupan sekolah berikutan kekangan liputan internet dan ketiadaan peralatan dalam kalangan murid untuk mengakses internet di kawasan itu.

"Guru terpaksa meminta bantuan ibu bapa untuk datang ke sekolah mengambil bahan pembelajaran dan mengembalikannya selepas membuat kerja yang diminta.

"Ia memang sesuatu yang mencabar tetapi disebabkan kita mahu melihat anak murid berjaya dan memastikan anak-anak di kawasan pedalaman mendapat akses kepada pendidikan yang secukupnya, kita usahakan juga," katanya.

Nabawan, dalam Parlimen Pensiangan adalah sebuah kawasan yang luas dan bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia dengan sebahagian kampung masih bergantung kepada sungai sebagai laluan perhubungan, malah ada yang perlu berjalan kaki berikutan ketiadaan jalan darat yang baik.